

**Lembaran Pendedahan Produk – Allianz SureYield**
**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum Anda membeli Allianz SureYield. Sila memastikan Anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

**Institusi Kewangan** : Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Kami")  
**Nama Produk** : Allianz SureYield

**1. Produk ini berkenaan apa?**

Ini adalah pelan endowment tanpa penyertaan dengan tempoh bayaran premium terhad kepada dua (2) tahun dan yang akan matang pada akhir tahun Polisi kesepuluh (ke-10). Polisi ini menawarkan:

- (i) perlindungan insurans apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia,
- (ii) Bayaran Tunai Terjamin, dan
- (iii) Manfaat Kematangan.

**2. Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang diberikan oleh pelan ini?**

(i) Semasa Polisi ini berkuat kuasa, pelan ini meliputi:

- **Manfaat Kematian:**

Jika kematian Orang yang Diinsuranskan mati sebelum Tarikh Matang/ Tamat Polisi sementara Polisi masih berkuat kuasa, manfaat kematian akan dibayar seperti berikut:

| Tahun Polisi semasa Kematian | Manfaat Kematian                 |
|------------------------------|----------------------------------|
| Tahun Polisi 1               | 100% jumlah Premium yang dibayar |
| Tahun Polisi 2 dan ke atas   | 105% jumlah Premium yang dibayar |

Sebagai tambahan, sebarang Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami, akan dibayar sekiranya berlaku Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia. Kami berhak untuk menolak sebarang Keterhutangan, jika ada, daripada jumlah yang perlu dibayar bawah manfaat ini. Selepas itu, Polisi ini akan ditamatkan.

- **Manfaat Kematangan:**

Semasa Orang yang Diinsuranskan masih hidup pada Tarikh Matang/ Tamat sementara Polisi masih berkuat kuasa, manfaat kematangan yang akan dibayar ialah 100% jumlah Premium yang dibayar bersama dengan sebarang Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami. Selepas itu, Polisi ini akan ditamatkan.

- **Bayaran Tunai Terjamin:**

Bayaran Tunai Terjamin sebanyak 4% daripada jumlah Premium yang dibayar<sup>^</sup> akan dibayar pada akhir tahun polisi pertama dan pada setiap akhir tahun polisi selepas itu sehingga kematangan atau penamatan Polisi, yang mana terdahulu.

Pemilik Polisi boleh memilih salah satu (1) daripada opsyen-opsyen berikut dengan memberi notis bertulis kepada Kami tidak lewat daripada tarikh pembayaran Bayaran Tunai Terjamin:

- (i) mengeluarkan Bayaran Tunai Terjamin apabila dibayar oleh Kami; atau
- (ii) mendepositkan Bayaran Tunai Terjamin dengan Kami untuk pengumpulan faedah pada kadar yang ditentukan oleh Kami yang mungkin berubah dari tahun ke tahun.

Sekiranya tiada opsyen yang dipilih, opsyen (i) Bayaran Tunai Terjamin akan diguna pakai secara automatiknya. Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami, jika ada, boleh dikeluarkan pada bila-bila masa oleh Anda.

Sebarang Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami akan dibayar selepas penyerahan atau kematangan/ penamatan tempoh Polisi, kematian Orang Yang Diinsuranskan atau menurut Seksyen 5(iii) bawah, yang mana terdahulu.

<sup>^</sup>Tidak termasuk sebarang bayaran pendahuluan.

(ii) Tempoh perlindungan pelan ini adalah sepuluh (10) tahun.

## Lembaran Pendedahan Produk – Allianz SureYield

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

- (i) Premium yang dianggarkan yang perlu dibayar oleh Anda adalah amaun premium tahunan yang dipilih oleh Anda, tertakluk kepada kelulusan Kami.

6% cukai perkhidmatan akan dikenakan jika Pemegang Polisi adalah sebuah pertubuhan perniagaan atau apabila hak Polisi diserahkan secara mutlak kepada sebuah pertubuhan perniagaan.

- (ii) Tempoh pembayaran Premium bagi Polisi ini adalah dua (2) tahun.
- (iii) Premium yang dikenakan adalah terjamin dan setara sepanjang tempoh pembayaran premium.

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan caj yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah seperti berikut:

- (i) Komisen                      Komisen yang dibayar kepada ejen insurans adalah ditanggung oleh Anda dan dibayar daripada Premium Anda untuk Polisi ini. Komisen yang dibayar adalah seperti berikut:

| Tahun Polisi | Komisen (% Premium Tahunan) |
|--------------|-----------------------------|
| 1            | 0.5%                        |
| 2            | 0.5%                        |

**5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- (i) Kepentingan Pendedahan - Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur Anda dengan betul. Anda juga seharusnya memberikan maklumat secukupnya dan tepat untuk membolehkan Kami menasihati Anda tentang kesesuaian Polisi ini dengan mengambil kira kesesuaian produk ini berdasarkan keperluan dan keadaan Anda.
- (ii) Tempoh Percubaan - Anda berhak membatalkan Polisi Anda melalui permintaan bertulis dan dengan mengembalikan Polisi Anda kepada Kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Polisi ini oleh Anda. Kami akan memulangkan kepada Anda jumlah Premium yang dibayar selepas ditolak dengan sebarang perbelanjaan pemeriksaan kesihatan yang ditanggung oleh Kami.
- (iii) Tempoh Penangguhan - Anda diberikan Tempoh Penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh Premium perlu dibayar untuk membayar Premium Anda dan dalam tempoh ini Polisi Anda akan kekal berkuatkuasa. Selepas tamat Tempoh Penangguhan, Kami akan membayar Anda Nilai Tunai bersamaan dengan sebarang Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami. Selepas itu, Polisi akan ditamatkan.
- (iv) Pengembalian Semula - Anda boleh mendapatkan kebenaran bertulis Kami untuk mengembalikan semula Polisi tersebut semula pada bila-bila masa dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh penamatan Polisi menurut Seksyen 5(iii) atas. Anda boleh merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat pengembalian semula Polisi.
- (v) Pengeluaran - Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami, jika ada, boleh dikeluarkan pada bila-bila masa oleh Anda.

**Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat yang lengkap di bawah Polisi ini.**

## Lembaran Pendedahan Produk – Allianz SureYield

**6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?**

Pelan ini tidak melindungi kematian Orang yang Diinsuranskan akibat bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman, dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian. Sekiranya kematian adalah akibat bunuh diri dalam masa dua belas (12) bulan tersebut, Kami akan memulangkan jumlah Premium yang dibayar di bawah Polisi ini tanpa faedah. Sebagai tambahan, Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami akan dibayar. Selepas itu, Polisi ini akan ditamatkan.

**7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Pembelian Polisi insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka masa panjang. Sekiranya Anda tidak membayar Premium Anda dalam Tempoh Penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari, Kami akan membayar Anda Nilai Tunai bersamaan dengan sebarang Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami. Selepas itu, Polisi akan ditamatkan. Jumlah yang akan dibayar oleh Kami kepada Anda sekiranya Anda membatalkan Polisi Anda sebelum Tarikh Matang/ Tamat mungkin jauh lebih kurang berbanding dengan jumlah Premium yang telah Anda bayar.

Sekiranya Anda membatalkan Polisi Anda sebelum matang, Anda berhak menerima Nilai Tunai bersama dengan Bayaran Tunai Terjamin terkumpul yang didepositkan dengan Kami, jika ada. Nilai Tunai adalah seperti berikut:

| Tahun Polisi* | Peratusan bagi Jumlah Premium yang Dibayar^ |
|---------------|---------------------------------------------|
| 1             | 88%                                         |
| 2             | 89%                                         |
| 3             | 90%                                         |
| 4             | 91%                                         |
| 5             | 92%                                         |
| 6             | 93%                                         |
| 7             | 95%                                         |
| 8             | 96%                                         |
| 9             | 98%                                         |
| 10            | 100%                                        |

\*Jika Polisi ini mempunyai sebarang Premium Tertunggak, bilangan tahun Polisi dengan Premium yang telah dibayar akan dirujuk sebaliknya.

^Tidak termasuk sebarang bayaran pendahuluan.

**8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?**

Ianya adalah penting untuk Anda menghubungi Kami untuk mengemaskini maklumat perhubungan terbaru termasuk alamat rumah Anda atau penama dan/atau pemegang amanah dan/atau Pemegang Polisi Kontinjen Anda, jika ada, bagi memastikan semua surat dapat disampaikan kepada Anda atau penama dan/atau pemegang amanah dan/atau Pemegang Polisi Kontinjen Anda pada masa yang tepat.

**9. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?**

Anda boleh melayari [www.allianz.com.my](http://www.allianz.com.my) untuk panduan tuntutan. Anda dinasihatkan supaya mengemukakan tuntutan Anda (jika ada) kepada Kami dengan secepat mungkin.

**10. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan, sila melayari [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my).

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)  
(dilesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan diatur oleh Bank Negara Malaysia)  
Allianz Customer Service Center

**Lembaran Pendedahan Produk – Allianz SureYield**

Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A  
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Customer Contact Center : 1 300 22 5542  
Emel : [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

**11. Adakah perlindungan lain yang sama seperti pelan ini ditawarkan?**

Sila hubungi Kami sekiranya Anda berminat untuk mengetahui tentang jenis perlindungan lain yang serupa dengan pelan ini yang ditawarkan oleh Kami.

**NOTIS PENTING:**

**PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**Notis Penting Lain:**

1. Anda harus memastikan bahawa Polisi ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan Anda dan Premium yang perlu dibayar untuk Polisi ini adalah jumlah yang Anda mampu bayar.
2. Jika Anda selaku Pemegang Polisi juga adalah Orang Yang Diinsuranskan bagi Polisi ini, Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama untuk Polisi Anda dan memastikan penama tersebut tahu tentang Polisi ini yang Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan akan menangguhkan pembayaran wang polisi kepada pewaris Anda.
3. Anda boleh menukar pemilikan Polisi ini melalui serahan hak dengan memberikan notis bertulis kepada Kami mengikut tertakluk kepada kebenaran Kami dan garis panduan yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa. Penukaran pemilikan Polisi ini hanya berkuat kuasa selepas Kami menerima notis bertulis.
4. Perlindungan insurans ini hanya berkuat kuasa dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini, yang mana terkemudian.
5. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran Premium.
6. Jangka masa tetap yang diperlukan oleh Kami untuk mengeluarkan Polisi adalah enam (6) hari bekerja daripada tarikh penyerahan Borang Permohonan untuk Insurans Hayat dengan syarat dokumen yang lengkap diterima oleh Kami dan Kami berpuas hati bahawa penyiasatan selanjutnya tidak diperlukan.
7. Penggantian Polisi sedia ada dengan Polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat daripada syarikat insurans Anda kini sebelum membuat keputusan muktamad.
8. Jika Anda menyerahkan Polisi Anda pada tahun-tahun awal, Anda mungkin akan menerima amaun yang lebih rendah daripada Premium yang telah dibayar oleh Anda.
9. Polisi ini mungkin memenuhi syarat untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
10. Lembaran Pendedahan Produk bukannya kontrak insurans. Penerangan yang diliputi dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat komprehensif yang terpakai adalah dinyatakan di dalam kontrak polisi.

**Lembaran Pendedahan Produk – Allianz SureYield**

11. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada Premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran Premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini berkuat kuasa pada Tarikh Terbitan Polisi ini.